ثتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"DENGAN mempunyai sebuah liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara akan memperluaskan lagi kesedaran orang-orang biasa di negara-negara ASEAN." Titah di Institut Hubungan Diplomatik dan Luar Negeri, Malaysia pada 27 Ogos 1997.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita Brunei
قليتا بروني
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa." - (Surah Al Hujuraat, ayat 12).

TAHUN 57 / BILANGAN 30 | 10 MAC 2012 / 1433 ربيع الأخير 17 | EDISI SABTU / PERCUMA

Brunei Darussalam julang Piala Hassanal Bolkiah

Oleh : Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Mac. - Pasukan Brunei Darussalam mencatatkan sejarah Bola Sepak Belia ASEAN apabila berjaya menjulang Piala Hassanal Bolkiah (HBT) 2012 dengan penuh bergaya selepas menumpaskan pasukan Indonesia 2-0 pada perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kejayaan terbesar yang mengharumkan nama negara di persada bola sepak serantau itu terhasil menerusi jaringan pada babak kedua menerusi sentuhan menarik Md. Amuniddin Zakwan Tahir dan rembatan kencang penyerang Adi Said untuk memusnahkan impian pasukan Garuda untuk mencipta kejayaan pada kejohanan dwitahunan bagi edisi keempat.

Kejayaan pasukan Brunei Darussalam yang juga termaktub sebagai jaguh Bola Sepak Belia ASEAN itu sekali gus membayangkan kebangkitan persada bola sepak negara yang berpotensi untuk dikembangmajukan ke peringkat lebih jauh.

Ke muka 12 & 13

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Piala Hassanal Bolkiah (HBT) kepada Pengurus Pasukan Brunei Darussalam, Awang Feisal bin Haji Md. Eusoff. - Foto : Masri Osman. *(Lagi berita dan gambar-gambar ke muka 12 dan 13).*

Keluaran Khas

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan 16 muka Laporan Khas Sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2012 Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan MMN.

Laporan Khas Persidangan MMN 2012

Kejohanan Bola Sepak HBT 2012: Brunei Darussalam catat sejarah juara

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Mac. - Kemuncak Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2012 merebut Piala Hassanal Bolkiah berakhir dengan jayanya selepas pasukan Brunei Darussalam muncul sebagai juara, menumpaskan pasukan Indonesia 2- 0.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Piala Hassanal Bolkiah (HBT) kepada pasukan tuan rumah selaku juara kejohanan edisi keempat.

Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berserta kerabat diraja yang lain.

Penyampaian hadiah kepada naib juara disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Selain menerima medal dan piala kejohanan, juara juga menerima wang tunai berjumlah BND20 ribu, manakala naib juara menerima BND10 ribu.

Menerima hadiah selaku pemian terbaik jatuh kepada Adi Said manakala hadiah 'fair play' diberikan kepada pasukan Myanmar.

Ke muka 12 & 13

DI DALAM

Muka 3

PRESIDEN BDNOC berangkat saksikan Persembahan WUSHU

Muka 4

'PENGLIBATAN Kanak-Kanak Perempuan, Inspirasi Masa Depan'

Tanamkan keazamanan yang tinggi

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak penganjur majlis ini iaitu Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang telah mengundang saya untuk menjadi tetamu kehormat di majlis ini seterusnya memberikan nasihat. Majlis ini ialah Pembukaan Rasmi Kursus Sivik Pelajar Di Seberang Laut dan Pelajar Di Dalam Negara, kedua-duanya dihimpunkan di dalam majlis ini yang merupakan suatu inisiatif pembaharuan yang saya kira akan memberikan banyak manfaat dalam banyak aspek.

Saya kira usaha mencantumkan perhimpunan pelajar seperti ini bukan hanya akan menghasilkan perkenalan, walaupun memang ada di antaranya yang memang sudah kenal mengenali antara satu sama lain, tetapi tentu ramai juga yang baru mengenali antara satu sama lain, malah di samping itu juga yang pentingnya ialah akan menghasilkan percambahan pemikiran dan pengalaman yang tentunya berbeza antara pelajar di dalam dan luar negara.

Apa yang saya inginkan ialah semua pelajar baik yang belajar di dalam negara mahupun di luar negara, akan menanamkan dalam diri mereka suatu keazaman yang tinggi untuk berjaya dengan cemerlang dalam bidang masing-masing, dan menanamkan semangat patriotik yang tebal dan berkobar-kobar dalam dada masing-masing.

Apakah dia semangat patriotik itu wahai anak-anakku pelajar-pelajar sekaliannya? Semangat patriotik itu ialah jika terdetik dalam ingatan dan kesedaran kamu semua akan kecintaan kepada negara, kepada bangsa, kepada agama dan kepada raja, mempunyai keinginan yang kuat untuk mencurah bakti serta bangga menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Jika semangat patriotik ada dalam setiap dada pelajar yang menjadi rakyat negara ini, insya-Allah, negara kita akan pasti membangun dan maju ke hadapan, sementara kesejahteraan dan kemakmuran akan dapat dinikmati oleh semua kita di sepanjang zaman. Itulah natijah dari semangat patriotik.

Negara pasti bangga mempunyai pelajar-pelajar atau siswa/siswi yang berjaya baik di dalam negara mahupun di luar negara. Untuk membangunkan negara kita dengan cepat, bukannya mudah, kita memerlukan ramai orang-orang yang berkepakaran dalam pelbagai bidang. Pelbagai bidang itu tentulah banyak sekali jenisnya. Misalnya bidang perubatan sahaja, sudah berpuluh-puluh jenis kepakaran yang diperlukan. Begitu juga dalam bidang ekonomi, bidang kejuruteraan, bahkan bidang keagamaan dan sebagainya. Dan dalam setiap jenis kepakaran itu pula, setentunya tidak memadai hanya dengan seorang pakar sahaja, perlu ada sekurang-kurangnya dua tiga orang pakar supaya mereka berbincang sesama sendiri dengan mendalam dalam keilmuannya dalam bidangnya masing-masing. Jadi bayangkan betapa banyak kepakaran yang kita perlukan. Jika orang-orang yang akan mengisi kepakaran itu di masa hadapan, tidak lain ialah awang-awang dan dayang-dayang pelajar-pelajar yang ada dihadapkan saya ini sekaliannya.

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Sivik Pelajar-Pelajar Di Seberang Laut Dan Dalam Negara, berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang lama, Berakas pada hari Selasa, 17 Januari 2012.

Mengulangi lagi dalam bidang perubatan, perlu ada pakar bedah, pakar jantung, pakar mata, pakar tulang, pakar otak, pakar gigi, pakar sakit tuan, pakar sakit puan, dan sebagainya. Dalam bidang agama, perlu ada pakar tauhid, pakar tasawuf, pakar hadis, pakar dakwah, pakar tafsir Al-Qur'an, pakar Qiraat, pakar Fiqh Al-Shafie, pakar Usul Fiqh, pakar Nahu, pakar balaghah, pakar tamadun Islam dan banyak lagi. Beberapa tahun dulu kita baru ada seorang Pakar Perundangan Islam, Allahyaram Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, telah meninggal dunia dan nampaknya sukar mencari gantinya, begitulah betapa sukarnya memperolehi seorang pakar, apatah lagi untuk meramaikannya. Bayangkan betapa jauhnya kita ketinggalan di belakang negara-negara lain yang warganya telah memiliki bermacam-macam kepakaran.

Itulah hakikatnya harapan negara kepada awang-awang dan dayang-dayang sekalian, dan juga generasi-generasi penerus yang akan datang. Mudah-mudahan sama-sama berfikir dan sama-sama melihat keperluan negara ini kepada intelektual yang berwibawa dan berkepakaran. Sebab itu saya ingin membakar semangat awang-awang dan dayang-dayang sekalian untuk cintakan ilmu, bukan setakat lulus tahap serjana muda, tapi lebih tinggi dari itu, jika ada kemampuan dan kemahuan.

Kemampuan dan kemahuan ini adalah dua eleman yang ada dalam diri masing-masing. Tepuk dada tanya hati, Jikapun ada kemampuan, tapi tanpa kemahuan yang kuat, maka seseorang itu tidak akan sampai ke puncak pengajiannya. Sebaliknya, jika pun ada kemahuan, tapi tanpa kemampuan akademiknya, itu jug tidak akan sampai ke mana-mana. Kedua-duanya (kemampuan dan kemahuan) itu perlu diasah dan diasuh sebaik-baiknya, supaya subur dan berkembang dalam diri pelajar, supaya pelajar-pelajar sekalian mejadi pelajar dewasa yang berpandangan jauh dan bercita-cita tinggi dan berjiwa besar, berani menghadapi cabaran dan gelombang kehidupan, menjadi pelajar pemikir, pelajar berfikiran matang, berdaya saing dan kreatif.

Dalam sebuah athar ulama ada mengatakan: 'Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negara China'. Kita memang maklum bahawa negara China bukanlah negara Islam, namun athar ini jelas menggalakkan umat Islam belajar ke negara bukan Islam itu, mengapa? Kerana untuk mendapat ilmu dan kepakaran-kepakaran, sejak zaman Nabi kita lagi, negara China memang sudah terkenal sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang pembuatan dan pertukangan. Maka demikianlah juga, pada zaman ini, kerana itu Negara kita Brunei Darussalam menghantar awang-awang dan dayang-dayang ke negara-negara bukan Islam di Timur dan di Barat itu adalah semata-mata untuk mendapat ilmu dan kepakaran. Sesudah berjaya baliklah ke tanah air sendiri untuk berkhidmat bagi mengangkat martabat negara, kerana negara kita masih lemah, masih memerlukan putera puterinya yang setia untuk menanainya, bukannya apabila telah berjaya lalu meninggalkan negara yang kita cintai ini.

Saya cukup berbangga dan menghargai pelajar-pelajar anak watan yang hadir di perhimpunan ini. Bermacam-macam taklimat akan diberikan yang sudah tentu akan menambahkan pengetahuan awang-awang dan dayang-dayang mengenai apa yang ada dalam negara kita, apa yang telah, sedang dan akan berlaku, awang-awang dan dayang-dayang mendapat dari sumbernya yang *fresh*, yang asal. Saya ingin menyeru supaya ikutilah taklimat-taklimat tersebut dan bertanya-tanyalah jika ada kemusykilan supaya awang-awang dan dayang-dayang *tidak ketinggalan kereta api* iaitu suatu peribahasa yang kita petik dari negara jiran yang menunjukkan seseorang itu ketinggalan zaman.

Pentingnya ilmu mengenai perkembangan negara kita sendiri, mengenai ketatanegaraan, struktur pemerintahan, perlembagaan, adat istiadat, kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, sejarah dan sebagainya itu ialah kerana awang-awang dan dayang-dayang akhirnya akan kembali ke negara sendiri. Dan tidak syak lagi, awang-awang dan dayang-dayang di suatu hari nanti menerajui pentadbiran negara sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan, bahkan sebagai pemimpin-pemimpin, sementara orang-orang yang sudah lama berkhidmat pula akan mengundur diri dan bersara. Jadi awang-awang dan dayang-dayang perlu memperdalam pengetahuan mengenai negara kita supaya nanti boleh memainkan peranan dengan cekap dan cemerlang dan terus mengibarkan bendera negara kita dengan megahnya di dalam negara sendiri, di arena serantau dan antarabangsa.

Ke muka 3

Dari Sidang Pengarang

10 MAC 2012 BERSAMAAN 1433 ربيع الأخير 17

SAHUT CABARAN NEGARA

MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) 2012 masih lagi berlangsung dan pelbagai isu serta saranan masih dibincangkan. Apa yang menariknya MMN ini mempertemukan Ahli MMN yang baru dilantik dan juga ahli-ahli lama. Percambahan idea dalam sama-sama menghasilkan satu keputusan yang bijak adalah penentu untuk melicinkan lagi mekanisme jentera pentadbiran negara. Antara isu-isu yang dikemukakan termasuklah mengenai hal ehwal perkhidmatan kerajaan.

Menyentuh mengenai perkhidmatan kerajaan, Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan Pegawai-pegawai Division II ke atas perlu menjalani peperiksaan General Order (GO) dan FR kerana sebagai pegawai kerajaan, mereka perlu mengetahui GO yang kebanyakannya mengenai tatatertib dan sebagainya. Dan FR pula ialah bagaimana melaksanakan pembelian dan juga 'procurement' dan sebagainya.

Apa yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan Kedua ini menjelaskan kepada kitani persoalan tentang kewibawaan pegawai-pegawai kerajaan dalam mengendalikan urusan pentadbiran kerajaan. Kitani menyedari selaku Pegawai-pegawai Division II, tanggungjawab yang digalas bukanlah senang dalam menerajui pentadbiran kerajaan. Setiap pegawai yang bakal menjadi ketua perlu mengetahui hal ehwal pentadbiran dan juga perkara-perkara yang membabitkan kewangan. Mereka perlu menjalani peperiksaan GO dan FR kerana adanya keperluan untuk menunjukkan kepada kakitangan mereka bahawa mereka juga mampu dan mengetahui hal ehwal pentadbiran. Dalam hal ini, setentunya mereka tidak akan dipandang rendah oleh orang yang mempertikaikan kemampuan mereka dalam menjalankan urusan kerja jika mereka sudah mempunyai kelayakan tersebut.

Kitani perlu menyedari dan memahami maksud baik yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan mengenai perkara ini. Kitani berharap janganlah ada lagi sungutan-sungutan yang mempertikaikan persoalan tentang GO dan FR ini. Sebagai pegawai dan kaki tangan kerajaan, kitani perlu menyokong dasar-dasar dan segala peraturan yang telah ditetapkan dalam sama-sama menggembleng usaha, kemahiran, kepakaran dan profesionalisme kitani demi kepentingan negara jua. Sikap sebegini perlu dipertingkatkan untuk memajukan negara dalam menghadapi cabaran-cabaran arus globalisasi. Pekerja yang berkualiti adalah aset kepada sesebuah negara dan inilah yang perlu kita semaikan dalam jiwa kitani sebagai warga kerja di jabatan kerajaan.

Dalam kitani mengikuti perkembangan MMN, negara kitani diserikan dengan suasana kemeriahan kerana kejayaan pasukan kitani berjaya mara ke peringkat akhir perlawanan bola sepak dan seterusnya menjuarai Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) 2012. Kejayaan seperti ini adalah saat-saat manis bagi pasukan kitani kerana berjaya menempa sejarah sukan tanah air selepas Piala Malaysia.

Kejayaan 'Tebuan Muda' kitani sungguh membanggakan. Dengan latihan dan komitmen yang diberikan sepenuhnya, dan tanpa mengenal erti penat dan lelah, mereka berjaya mengharungi cabaran dan membuktikan kepada negara kejayaan mereka. Inilah semangat kesukanan yang dipamerkan oleh anak-anak muda kitani.

'Tebuan Muda' ini seolah-olah mengembalikan nostalgia lama sukan bola sepak negara pada era kegemilangannya dulu pada tahun 1999. Kejayaan pasukan negara menjulang Piala Malaysia dahulu seolah-olah sebagai penyuntik semangat pasukan muda ini. Sokongan moral daripada peminat bola sepak tanah air begitu membanggakan kerana kitani tahu semangat pasukan kitani pada tahap yang tinggi dengan peminat yang tidak henti-henti memberi sorakan dan kata-kata perangsang. Semangat seperti inilah yang kitani mahu untuk kemajuan sukan tanah air.

Seharusnya pujian diberi kepada negara kitani atas kejayaan anak-anak muda kitani. Kini pasti ramai yang akan membuka mata terhadap kemampuan mereka. Persoalannya, mampukah mereka meneruskan kejayaan dan kegemilangan yang sama pada perlawanan yang akan datang? Apakah pemain muda ini akan diberi latihan lanjutan untuk menghadapi perlawanan-perlawanan besar sama ada di dalam atau di luar negeri? Kitani tidak mahu kejayaan ini berhenti setakat di sini sahaja. Kitani sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan atas usaha dalam memajukan sukan negara dengan menghadiahkan kemenangan dan kejayaan pada negara.

Mindset kitani dalam mengharungi segala cabaran sama ada cabaran dalam pentadbiran kerajaan atau cabaran sukan perlu digarap untuk memenuhi Wawasan Negara 2035. Sebagai rakyat negara ini, kitani perlulah bersiap sedia dalam menghadapi segala cabaran yang memerlukan kitani bertindak pantas, progresif, inovatif dan kreatif dalam mewujudkan sebuah negara yang berdaulat dan berwawasan. Sekalung tahniah untuk pasukan bola sepak kitani 'Tebuan Muda' kerana mengharumkan nama negara- **Pengarang.**



SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan
Azman Haji Abdul Rahim,
Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak
Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan
Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Majdiah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan
Haji Ahat Haji Ismail,
Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

Penterjemahan
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	ELEKTRIK	NDMC
991	993	995	998	140	144	2380214

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama peserta-peserta yang membuat persembahan tersebut.

Presiden BDNOC berangkat saksikan Persembahan Wushu

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat menyaksikan Persembahan Wushu (atas), sementara gambar kiri, peserta wushu Negara Brunei Darussalam turut sama membuat persembahan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Wushu berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam.

Persembahan Seni Bela Diri tersebut dibawakan oleh Persatuan Wushu Republik Rakyat China dan dianjurkan oleh Persatuan Wushu Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan.

Persembahan tersebut melibatkan kira-kira 20 atlet dan pakar sukan berkenaan dengan mempersembahkan pertunjukan Seni Bela Diri secara perseorangan mahupun berkumpulan antaranya Taijuquan dan Taiji Fan, Jianshu, Gunshu dan Zuijian.

Persembahan ini turut disaksikan oleh kira-kira 300 penuntut daripada sektor kerajaan dan swasta.

Ia juga bertujuan untuk mendedahkan sukan berkenaan kepada masyarakat di negara ini terutama dalam mengeratkan lagi hubungan Persatuan Wushu China dengan Persatuan Wushu Brunei Darussalam.

Tanamkan keazamanan yang tinggi

Dari muka 2

Di kesempatan ini, saya ingin membacakan sebuah puisi karya Adi Rumi iaitu nama pena Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Puisi ini tersiar dalam Akhabar PELITA BRUNEI bertarikh 9 Januari 2012, sangat menarik, mudah difaham dan dapat dijadikan iktibar. Dengarkan pelajar-pelajar dan mari bersama-sama saya :

WARNA-WARNI KEHIDUPAN

Kehidupan tidak pernah kering
Dari warna-warni
kadang-kadang mempesona
Dan kadang-kadang ada juga sebaliknya.
Ini ... di sini
Satu lagi warna itu
Tetapi ia bukan yang ku cari,
Aku cuma mencari
warna bumiku
dan bau wanginya
yang bernama 'Brunei'
oh ... Bruneiku
Kaulah warna
Kaulah bau
Kehidupan bermutu
Tanganmu lembut selembut bayu
Bukan 'Tangan besi',
bahasa manis semanis madu
Bukan 'bahasa peluru'
Kau tidak pun pernah memilih besi
Untuk menggantikan diplomasi,
Kau juga tidak pernah memilih peluru
Untuk menggantikan MoU...
Bagaimana mungkin warnamu perang
Sedang langitmu seratus peratus bersih
Dari asap dan abu perang?
Dan bagaimana mungkin baumu busuk
Sedang udaramu
Tidak pernah dicemari
Oleh bangkai peperangan?
Oh, Bruneiku!
Ya, bagaimana mungkin
untuk menyamakanmu dengan
Yang lain-lain,
Sedang jalanmu dan jalan mereka
Jauh berbeza?
Jalanmu :
Aspalnya perdamaian
Sedang jalan orang lain
Aspalnya peperangan
Itu baru lahirnya
Belum lagi yang tersirat
berupa 'pati hakikat'
jantungnya adalah zikir
Darahnya adalah zikir
Nafasnya adalah zikir,
Jika sudah semuanya 'zikir'
Maka siapakah lagi, ya siapa
yang akan dapat mengatasinya?
Walaupun ada orang kuat
Tetapi tidakkah
Allah Ta'ala lagi Maha Kuat?
Bahkan Maha Berkuasa?
Bukankah begitu?
Dan apabila berlaku Pertolongan dan pemeliharaan-Nya
Maka tiada siapa lagi
Yang akan dapat mengalahkan...
Bukankah begitu?
(Lihat Surah Al-Haj ayat 40 dan Surah Ali Imran ayat 160)
Inilah sebenarnya
objektif kita
Dengan moto "Negara Zikir"
Berpaksikan takwa.
Bila mana ini ada
Itulah keselamatan sejati
Itulah kemenangan hakiki.

Di kesempatan ini, saya juga sukacita menasihatkan, agar pelajar-pelajar sekalian yang beragama Islam, tidak akan lupa Tuhan kita yang menjaga dan memelihara kita iaitu Allah Subhanahu Wata'ala, tunaikan kewajipan-wajipan sebagai hamba, dia jauhi maksiat dan larangan-larangan Allah, banyak-banyaklah beristighfar, banyak-banyaklah bertaubat, dan sering-seringlah membaca Al-Qur'an, supaya fikiran ktia menjadi terang, dan supaya hati menjadi tenang, dan segala ilmu pengetahuan dan pembacaan mudah masuk meresap ke dalam minda dan mudah difahami, mohonlah doa dari ibu bapa pada setiap kali menghadapi rintangan dan masalah atau peperiksaan, jangan terikut-ikut dengan corak pergaulan dan telatah serta kelakuan orang-orang bukan Islam. Itulah calak anak Brunei yang sejati yang akan mendapat kecemerlangan di dunia dan Akhirat.

'Penglibatan Kanak-kanak Perempuan, Inspirasi Masa Depan'

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman, Nurul Ain Hamdani

TUNGKU, Khamis, 8 Mac. - Hari Wanita Antarabangsa disambut pada setiap 8 Mac secara global di kebanyakan negara bertujuan bagi menghargai kemajuan dan pencapaian wanita dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran mengenai mustahaknya ekuiti gender dalam aspek kehidupan.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga meraikan sambutan berkenaan yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2012 bagi Negara Brunei Darussalam ialah 'Penglibatan Kanak-Kanak Perempuan, Inspirasi Masa Depan' yang bertepatan dengan tema dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berangkat menghadiri majlis sambutan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis perasmian sambutan ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Pada majlis tersebut, satu seminar diadakan khusus untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak perempuan dan wanita (ibu-ibu) mengenai keganasan rumah tangga, sumbang mahram dan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak serta memberi maklumat mengenai akta dan perkhidmatan yang sedia ada.

Di samping itu, seminar ini juga bertujuan untuk memberi maklumat dan meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai Suruhanjaya ASEAN Mengenai Promosi dan Perlindungan Hak-Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Right of Women and Children - ACWC) dan pelan tindakan yang sedia ada mengenainya.

SAMBUTAN Hari Wanita Antarabangsa 2012. Berangkat dalam majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Taklimat khas bagi seminar tersebut disampaikan oleh wakil-wakil dari ACWC bagi Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sambutan pada tahun ini melibatkan kira-kira 300 peserta terdiri daripada remaja perempuan dan wanita iaitu seratus orang wakil dari jabatan-jabatan awam dan swasta serta persatuan-persatuan, seratus orang wakil penuntut perempuan dari tahun 10 - 11 dan seratus orang peserta dari institusi pengajian tinggi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, pemangku pengarah serta ketua-ketua jabatan di bawah KKBS.

Isu wanita perlukan perhatian

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berucap dalam majlis tersebut. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Nurul Ain Hamdani

TUNGKU, Khamis, 8 Mac. - Seperti juga negara-negara lain termasuk negara-negara maju di dunia ini, Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali menghadapi beberapa isu wanita yang negatif seperti keganasan terhadap wanita dan perempuan, wanita dalam kemiskinan, penderaan, tuntutan nafkah serta penglibatan wanita dan perempuan dalam gejala-gejala sosial dan kurang bermoral.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengenal pasti bahawa salah satu isu sosial yang memerlukan perhatian ialah isu wanita.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata, satu Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita telah ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial bagi menangani perkara tersebut.

Keahlian Jawatankuasa Khas tersebut jelasnya, termasuk agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan merupakan usaha bersepadu oleh semua *stakeholders* dalam menangani isu yang melibatkan institusi keluarga dan wanita.

Berucap dalam Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2012 di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Yang Mulia Datin Paduka menjelaskan, jawatankuasa tersebut baru-baru ini telah meluluskan Pelan Tindakan bertujuan untuk mengukuhkan institusi keluarga dan ekuiti *gender* atau isu-isu yang dihadapi oleh wanita melalui program-program jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Di antara pelan tindakan itu, tambah Datin Paduka termasuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, meningkatkan sikap bertanggungjawab setiap ahli keluarga, keseimbangan pekerjaan dan keluarga bagi pekerja-pekerja wanita, perkhidmatan guaman bagi isu wanita termasuk tuntutan nafkah serta menangani cabaran negatif dunia *cyber*.

Datin Paduka seterusnya berkata, di negara ini 47 peratus daripada penduduknya terdiri daripada kaum wanita dan impak mereka kepada pembangunan negara sudah tidak dapat dinafikan dan untuk itu adalah penting bagi kita untuk memastikan bahawa kaum wanita dan perempuan diberi peluang untuk mencapai potensi mereka yang maksima.

"Kerana jika kita gagal dalam hal ini akan mengakibatkan kerugian besar bagi negara kita, bukan sahaja dari segi ekonomi, malah juga dari segi sosiobudaya kita," ujar Datin Paduka.

Justeru itu, ujarnya, bagi Negara Brunei Darussalam, semua kanak-kanak mempunyai akses secara percuma kepada kemudahan dan perkhidmatan asas seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosial.

Penjagaan rakyat dan penduduk di negara ini, jelasnya telah menerima pengiktirafan antarabangsa melalui pencapaian negara dalam UNDP Human Development Index yang mana Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ke-33 daripada 187 buah negara.

Datin Paduka berkata, Sambutan Hari Antarabangsa Wanita kali ini akan memberi tumpuan kepada isu keganasan rumah tangga dan penjagaan diri kanak-kanak perempuan dan wanita daripada sebarang penganiayaan.

Keganasan rumah tangga terhadap wanita pada umumnya, menurut Datin Paduka, berakar umbi dalam semua masyarakat dan budaya, sehingga ramai wanita yang menganggapnya sebagai sesuatu yang lumrah dalam khidupan.

Di negara ini, jelas Datin Paduka, kanak-kanak dilindungi dengan beberapa rang undang-undang bagi menjamin keselamatan mereka dan di antara undang-undang yang telah diluluskan dan dilaksanakan itu termasuklah Akta Perlindungan Wanita dan Perempuan 1972, Perintah Kanak-Kanak dan Remaja 2006, kemasukan 'Dahrar Syarie' atau keganasan rumah tangga Jun 2010 dalam Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010 dan Perintah Akta Bersuami (Pindaan) 2010 serta Unlawful Carnal Knowledge Act.

Pelaksanaannya, jelas terbukti dengan adanya kemudahan dan prasarana bagi melindungi kanak-kanak perempuan dari penderaan dan eksploitasi, ujarnya.

Walau bagaimanapun, tambah Datin Paduka, usaha yang lebih gigih dan bersepadu adalah penting untuk memasyarakatkan undang-undang ini dan peranan serta pemedulian masyarakat juga sama pentingnya untuk memastikan kanak-kanak di negara ini dapat membangun dan membesar dalam persekitaran yang selamat dan kondusif.

Hargai pencapaian wanita

Oleh : Khartini Hamir

TUNGKU, Khamis, 8 Mac. - Seramai 300 peserta menghadiri Majlis Penutup Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2012 kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis penutupan rasmi disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan penyampaian rumusan daripada wakil peserta seminar yang disampaikan oleh guru dari Sekolah Menengah Rimba, Dayang Megawati binti Karim.

Beliau menyampaikan mengenai hasil perbincangan, latar belakang, tindakan yang patut diambil dan perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan bagi menangani tiga isu utama yang berkaitan dengan tema sambutan yang berkisar mengenai keganasan rumah tangga, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak melalui media elektronik dan penganiayaan seks dan sumbang mahram.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta, penyampaian cenderahati kepada fasilitator dan sijil penghargaan kepada para penaja disampaikan oleh tetamu kehormat.

Hari Wanita Antarabangsa diraikan pada setiap 8 Mac secara global di kebanyakkan negara bertujuan untuk menghargai kemajuan dan pencapaian wanita dan seterusnya meningkatkan kesedaran mengenai peri mustahaknya ekuiti gender dalam semua aspek kehidupan.

Tema sambutan pada tahun ini 'Penglibatan Kanak-Kanak Perempuan, Inspirasi Masa Depan' bertepatan dengan tema Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang khusus bertujuan memberikan kesedaran kepada kanak-kanak perempuan dan wanita mengenai keganasan rumah tangga, sumbang mahram, penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak di samping memberikan maklumat dan meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai Suruhanjaya ASEAN mengenai promosi dan perlindungan hak-hak wanita dan kanak-kanak.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang peserta. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Penderaan, keganasan terhadap wanita bertentangan dengan hak asasi manusia

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat pada Majlis Resepsi Minum Petang bagi meraikan Hari Wanita Antarabangsa 2012. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Haniza Abdul Latif

KOTA BATU, Khamis, 8 Mac. - Satu dalam setiap tiga wanita di dunia ini telah terdedah kepada beberapa jenis keganasan rumah tangga atau seksual dan dalam kebanyakan kes pelaku adalah terdiri daripada ahli keluarga sendiri.

Sementara itu, 50 peratus daripada serangan seksual di seluruh dunia telah dilakukan terhadap kanak-kanak perempuan yang di bawah umur 16 tahun dan kira-kira 200 juta kanak-kanak perempuan dan wanita dalam setahun terdedah kepada gangguan seksual dan terdapat kira-kira 80 peratus daripada kes-kes penyeludupan adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak perempuan dan wanita.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman mendedahkan perkara tersebut pada Majlis Resepsi Minum Petang bagi meraikan Hari Wanita Antarabangsa 2012 yang berlangsung di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British, di sini.

Penderaan kanak-kanak perempuan dan keganasan terhadap wanita, menurut Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina, adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dalam apa jua cara dan ianya adalah perbuatan yang bertentangan dengan hak asasi manusia.

"Di Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, status kanak-kanak, terutamanya, dan kanak-kanak perempuan adalah pada status tertinggi selaras dengan hukum Islam, yang juga meletakkan wanita pada kedudukan yang tinggi. Kanak-kanak perempuan di Negara Brunei Darussalam mempunyai akses percuma kepada keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan. Sememangnya tiada sebab mengapa wanita tidak boleh mencapai kecemerlangan di Negara Brunei Darussalam kerana dari segi pendidikan, 70 peratus adalah terdiri daripada graduan perempuan," jelasnya.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Terdahulu, isteri Pesuruhjaya Tinggi British, Puan Julia Fenn menjelaskan Hari Wanita Antarabangsa telah diadakan setiap tahun pada 8 Mac selama 101 tahun yang lalu dan ia merupakan hari apabila golongan wanita diiktiraf bagi pencapaian mereka, tanpa mengambil kira peringkat, sama ada nasional, etnik, kebudayaan, ekonomi atau politik.

Menyentuh mengenai tema hari tersebut iaitu 'Connecting Girls: Inspiring Futures', Puan Julia berkata menggalakkan persamaan hak jantina *(gender equality)* dan memperkasakan wanita seluruh dunia kekal sebagai satu keutamaan untuk kebanyakan negara, termasuk Britain sendiri.

Majlis antara lain bertujuan untuk meraikan pencapaian wanita-wanita di Negara Brunei Darussalam daripada segenap lapisan masyarakat dan dari negara-negara yang berlainan dan memberi peluang kepada para perempuan yang telah dijemput untuk bertemu dan berbual dengan wanita-wanita yang telah berjaya.

Tunjukkan teladan yang baik

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku tetamu kehormat memeriksa perbarisan kehormatan.

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 3 Mac. - Dalam usia yang ke-58 tahun sejak ditubuhkan pada tahun 1954, Jabatan Penjara telah mencapai banyak kemajuan dan memperlihatkan perkembangannya yang konsisten selari dengan tugas-tugas kepenjaraan pada peringkat serantau dan dunia.

Di antara peranan dan tugas yang penting diamalkan ialah memberi kesedaran dan keinsafan kepada penghuni-penghuni di Jabatan Penjara, Program Pemulihan dan Latihan yang berunsurkan keagamaan dan kerohanian telah dipertingkatkan dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa supaya banduan-banduan atau penghuni-penghuni dapat menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan menginsafi segala perbuatan salah laku mereka dan dapat kembali ke pangkuan masyarakat sekali gus menjadi warganegara yang berguna dan sentiasa mematuhi undang-undang.

Justeru itu, bagi menyerikan Sambutan Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penjara mengadakan Majlis Perbarisan Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-58 Tahun 2012 iaitu perbarisan-perbarisan kawalan kehormat berlangsung di Padang Pusat Latihan, Jabatan Penjara Maraburong.

BACAAN ikrar oleh seorang Pegawai Penjara, Awang Haji Mohd. Isamuddin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ketika berucap beliau menyeru semua pegawai dan anggota Jabatan Penjara sentiasa menunjukkan sikap dan teladan yang baik, bekerja dengan lebih gigih dan sentiasa menambah baik sistem, strategi dan teknik dalam mengawal keselamatan, memastikan keamanan dan ketenteraman penjara dan menjadi contoh yang terbaik kepada penghuni di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pegawai penjara.

Jabatan Penjara katanya, sentiasa mengambil langkah dalam sama-sama membasmi jenayah di negara ini dengan memastikan penurunan kadar bilangan *residivis* (kemasukan berulang-ulang) pada setiap tahun melalui peranannya memulihkan penghuni penjara.

"Seperti yang tercatat melaui statistik Jabatan Penjara mencatatkan bahawa pada tahun 2011 bilangan kemasukkan *residivis* penghuni tempatan adalah 54 peratus berbanding pada tahun 2010 kadar bilangan kemasukkan *residivis* adalah 67 peratus dan ini bermakna penurunan bilangan *residivis* amat ketara dalam tempoh dua tahun tersebut dan sudah setentunya ianya adalah hasil dari keberkesanan program-program pemulihan yang telah diungkayahkan oleh Jabatan Penjara," jelasnya.

Ini tambahnya, merupakan satu pencapaian prestasi yang sangat baik dan seharusnya sentiasa dipertingkatkan dari setahun ke setahun.

Beliau menyatakan, masyarakat umum, ketua-ketua kampung dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan disarankan untuk terlibat sama berperanan dalam usaha memulihkan bekas-bekas penghuni yang dibebaskan seperti mewujudkan model yang berorientasikan program pemulihan dalam masyarakat (*community-based rehabilitation*).

Dengan adanya kesedaran masyarakat seumpama ini nanti jelasnya, diharapkan kepulangan para penghuni kepangkuan masyarakat akan benar-benar sempurna dan berkekalan.

Majlis Perbarisan tersebut merangkumi bacaan ikrar diketuai oleh Penguatkuasa Penjara, Awang Haji Isamuddin bin Abdullah Juna diikuti dengan doa dan seterusnya diserikan lagi dengan persembahan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara.

SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan penjara yang hadir.

ANTARA persembahan yang turut menyerikan Majlis Perbarisan Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-58 Tahun 2012.

Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena penubuhan JBP

PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdu Rahman hadir pada majlis tersebut. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja pada 29 Februari 2012, di sini.

Hadir menyertai majlis bersempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-52 itu ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman

Turut menyertai majlis tersebut pegawai kanan, pegawai dan anggota serta kakitangan JBP.

Bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil dipimpin oleh Ketua Guru Ugama JBP, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

JBP secara rasmi ditubuhkan pada 1 Januari 1960 dikenali sebagai Pasukan Bomba sebelum ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba (JPB).

Rezeki halal membawa berkat

MARILAH kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini merupakan satu amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu kita hendaklah memanfaatkan kehidupan ini dengan baik mengikut panduan yang telah diajarkan oleh Islam antaranya ialah bekerja sebagai usaha untuk mencari rezeki. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Jumu'ah, ayat 10, tafsir-Nya :

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam segala keadaan supaya kamu berjaya di dunia dan di Akhirat."

Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berusaha mencari rezeki bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan sama ada untuk diri sendiri mahupun orang yang di bawah tanggungan kita. Bekerja mencari rezeki itu juga merupakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana pengertian ibadah itu sebenarnya amat luas, bukan hanya khusus terhadap ibadah sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja, akan tetapi didasarkan atas landasan iman dan taqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebenarnya terdapat banyak cara atau jalan yang boleh dilakukan dalam mencari rezeki, tidak semestinya hanya bergantung untuk bekerja di pihak kerajaan atau swasta, tetapi seseorang itu boleh berusaha untuk bekerja sendiri kerana sumber rezeki itu sangat luas. Tidak dinafikan terdapat sebilangan orang yang tidak mempunyai pekerjaan sehingga terpaksa bergantung kepada orang lain untuk menyara kehidupannya. Sebilangan mereka yang tidak bekerja kadang kala disebabkan oleh sikap memilih-milih pekerjaan ataupun bersikap malas sedangkan mereka sihat dan berdaya untuk bekerja. Ada pula yang tidak bekerja kerana hendak mencari kerja yang senang ataupun merasakan kelulusan yang dimiliki tidak sesuai dengan kerja yang ditawarkan. Inilah sikap negatif yang hanya akan menyusahkan kehidupan mereka dan lebih buruk lagi jika mereka telah mempunyai tanggungan. Selain itu mereka juga akan menjadi beban kepada orang yang menanggung atau menyara hidup mereka.

Namun tidak semua orang bersikap sedemikian, kerana ramai juga orang yang terus berusaha dengan gigih untuk berdikari sehingga sanggup bekerja keras walau dengan pendapatan yang rendah atau pekerjaan itu tidak bersesuaian dengan kelulusan yang ada. Apa yang penting ialah gaji yang diperolehi itu halal hasil dari usaha mereka sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain. Inilah sikap positif yang perlu dipuji dan menjadi contoh kepada semua orang.

Ketahuilah bahawa orang yang bekerja mencari rezeki itu bukan hanya akan mendapat hasil dari usahanya, malah mereka akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala berupa kasih sayang serta pengampunan dari-Nya jua. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

"Dari Anas Radiallahuanhu berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Barang siapa yang merasa penat kerana bekerja untuk mencari rezeki yang halal, nescaya terampun segala dosanya."

Islam telah memberi panduan yang mudah kepada kita dalam usaha untuk mencari rezeki, iaitu hendaklah pekerjaan itu tidak menyalahi hukum syarak.

Selain itu kita hendaklah juga berniat ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala serta bersikap jujur dan amanah. Sikap jujur dan amanah itu sangat penting kerana dari sikap tersebut akan dapat mengelakkan diri kita dari melakukan sebarang perbuatan yang salah dan berdosa seperti melakukan penipuan, pecah amanah dan sebagainya, bahkan juga akan dapat menjauhkan diri kita dari melakukan sebarang pekerjaan yang sumber pendapatannya tidak halal seperti berjudi, mencuri, melakukan rasuah, menjual arak dan sebagainya. Pendapatan yang diperolehi dari sumber yang tidak halal dan haram bukan sahaja tidak berkat dan berdosa, bahkan juga akan mendapat bahaya besar yang lain antaranya :

Pertama : Mereka akan dimasukkan ke dalam neraka : Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, dari Haulatal Ansariah Radiallahanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan jalan tidak halal, maka bagi mereka akan mendapat seksa api neraka pada Hari Kiamat."

Kedua : Doa mereka tidak diterima. Dalam sebuah hadis riwayat Al-Imam Muslim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, *"Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu baik. Allah tidak menerima kecuali yang baik. Dan Allah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman dengan apa yang Dia perintahkan kepada para utusan-Nya."* Kemudian Baginda membacakan ayat 51, Surah Al Mu'minuun, tafsir-Nya :

"Wahai rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh. Sesungguhnya Aku maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."

Kemudian Baginda membacakan lagi ayat 172, Surah Al Baqarah, tafsir-Nya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari rezeki yang baik-baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu."

Kemudian Baginda menyebutkan tentang seorang lelaki yang pulang dari perjalanan yang jauh sehingga rambutnya tidak teratur dan penuh dengan debu, kemudian lelaki itu menadahkan tangannya ke langit lalu berdoa : "Ya Tuhanku! Sedangkan makanannya dari yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram, malahan perutnya juga telah diisi dengan makanan yang haram, maka bagaimanakah Allah akan memakbulkan doa-doanya?

Ketiga : Mereka akan ditempatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke dalam tempat yang paling hina. Sebagaimana disebutkan dalam hadisnya riwayat Imam Al-Baihaki, dari Ibnu Umar Radiallahuanhuma ia berkata bahawa telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

"Dunia ini manis lagi indah, barang siapa mencari harta benda di dalamnya dengan jalan yang halal serta ia mahu menginfakkan sesuai dengan haknya, nescaya Allah akan memberi pahala kepadanya berupa Syurga. Dan barang siapa mencari rezeki harta benda dengan jalan tidak halal serta dia membelanjakan pada tempat yang bukan haknya, nescaya Allah akan memasukkan dia ke dalam tempat yang hina."

Mencari rezeki yang halal adalah wajib atas setiap umat Islam, oleh itu kita hendaklah memastikan sumber rezeki diperolehi itu halal supaya kehidupan kita serta keluarga kita mendapat berkat dan selamat dari api neraka. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga apa jua pekerjaan yang kita lakukan akan memperolehi rezeki yang baik dan halal, mendapat ganjaran dari Allah dan seterusnya kita semua akan terhindar dari memperolehi hasil pendapatan yang tidak halal. Amin Ya Rabbal'alamin.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Qashash, ayat 26, tafsir-Nya :

"...Sebaik-baik yang engkau ambil bekerja ialah orang yang kuat (berkemampuan) dan amanah (dipercayai)."

وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 10 مرچ 2012 برساماءن دڠن 17 ربيع الأخير 1433 هيڠڬ كهاري جمعة 16 مرچ 2012 برساماءن 23 ربيع الأخير 1433 اداله سڤرت دباوه اين:

مسيحي	هاري	هجريه	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
مرچ		ربيع الأخير								
10	سبتو	17	5.02	5.12	6.28	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
11	احد	18	5.02	5.12	6.28	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
12	اثنين	19	5.01	5.11	6.27	6.51	12.32	3.43	6.33	7.42
13	ثلاث	20	5.01	5.11	6.27	6.50	12.31	3.43	6.33	7.42
14	رابو	21	5.00	5.10	6.26	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
15	خميس	22	5.00	5.10	6.26	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
16	جمعة	23	5.00	5.10	6.26	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري

MUIB bantu mangsa dilanda musibah

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

SETIAUSAHA Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar menyampaikan bantuan kewangan kepada Dayang Janah binti Md. Yusof (kiri) dan Awangku Haji Yusof bin Pengiran Salleh (kanan). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Mac. - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sekali lagi memberikan bantuan serta merta berupa wang tunai bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa tersebut.

Antara penerima bantuan terdiri daripada mangsa kebakaran rumah di Kampung Tanah Jambu milik Dayang Janah binti Md. Yusof yang mana keseluruhan rumah satu tingkat beliau yang didiami bersama dua kelamin telah ranap keseluruhannya pada 8 Februari 2012 pada pukul 10.45 malam.

Hadir pada Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Bagi Mangsa-Mangsa Kebakaran yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini ialah Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar.

Rumah dan tanah seluas 0.25 ekar adalah kepunyaan Allahyarhamah kakak Dayang Janah iaitu Allahyarhamah Dayang Hajah Norsah binti Md. Yusof.

MUIB memberikan bantuan kewangan kepada seramai empat orang mangsa sejumlah BND800 iaitu BND200 setiap seorang.

Bantuan kewangan yang dihulurkan itu bertujuan bagi, meringankan kesusahan mangsa-mangsa berkenaan dan juga untuk kegunaan perbelanjaan membeli pakaian-pakaian harian dan keperluan asasi yang lainnya.

Tingkat keluaran beras domestik

Oleh :
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BAGI mendukung perancangan dan usaha kerajaan untuk meningkatkan jaminan bekalan pemakanan negara (*food security*), peruntukan bagi Projek Penanaman Padi akan ditambah sebanyak BND5 juta kepada BND20 juta.

Penambahan ini telah memberikan khabar yang gembira kepada rakyat dan penduduk negara ini terutama para peladang dengan menyambut baik peruntukan ini dalam pembentangan Rang Undang-Undang (2012) Perbekalan 2012 / 2013 Majlis Mesyuarat Negara 2012.

PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah.

BIRO Penerangan Majlis Perundingan Kampung Kiudang Mungkom Tutong, Awang Muhammad Amir Haji Umarali.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPPSU) juga telah merancang untuk menggiatkan lagi usaha dalam memastikan jaminan perbekalan makanan dalam pengeluaran ayam pedaging dan ternakan ruminan.

Keutamaan belanjawan ini ialah meningkatkan dan memelihara Kesejahteraan Awam selaras dengan tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2012 / 2013 'Pembangunan Kapasiti Untuk Menjana Pertumbuhan Inklusif dan Berdaya Tahan'.

Ianya juga sebagai usaha berterusan kerajaan untuk memastikan bahawa kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini bagi beberapa perkhidmatan asas dan jua kemudahan-kemudahan awam telah ditambah. Ini memandangkan kos bagi menampung keperluan-keperluan tersebut akan sentiasa bertambah dengan meningkatnya bilangan penduduk dan juga kos perkhidmatan, terutama impak daripada perkembangan teknologi yang terkini dan sebagainya. Di samping itu, penekanan-penekanan perbelanjaan kerajaan akan juga ditumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini, termasuk untuk membasmi kemiskinan.

Ketika ditemui secara eksklusif, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah menyambut baik peruntukan ditambah BND5 juta menjadi BND20 juta, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU. Ini adalah kerana peruntukan bernilai BND15 juta pada tahun lalu telah digunakan sepenuhnya dan memerlukan peruntukan tambahan.

Menurutnya, antara program-program yang telah dirancang bagi tahun 2012 / 2013 dengan menggunakan peruntukan yang baru diluluskan sebanyak BND20 juta ini adalah seperti berikut:

* Program meningkatkan tahap infrastruktur di ladang-ladang padi utama.

Program peningkatan infrastruktur di ladang-ladang padi utama akan diteruskan lagi bagi tahun 2012 / 2013 yang mana kerja-kerja peningkatan infrastruktur ini adalah termasuk pembinaan sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan utama ladang. Pihak KPSSU melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan bagi projek-projek ini.

* Program pembekalan input-input kimia pertanian.

Bagi menampung keperluan pembekalan input- input kimia pertanian yang semakin meningkat, beliau menjelaskan, sejajar dengan pembukaan ladang-ladang baru serta penukaran sistem penanaman daripada tradisional kepada penanaman secara intensif, jabatan juga akan meningkatkan pembekalan input-input kimia pertanian seperti baja-baja, racun penyakit dan musuh serta racun rumpai serta berusaha memastikan agar pembekalan ini dibuat pada masa-masa yang bersesuaian.

Walau bagaimanapun, jabatan juga berusaha untuk mendidik dan memperkenalkan program pengawalan musuh secara bersepadu kepada para pengusaha untuk mengurangkan penggantungan pengusaha terhadap racun-racun kimia yang mana jika tidak dikawal akan memberikan kesan negatif kepada kesihatan awam serta alam sekitar.

* Program peningkatan pengurusan ladang

Sekolah Perladangan Pengusaha Padi (Rice Farmers Field School) telah berjaya diperkenalkan bagi meningkatkan hasil per hektar dan diimplemen di Daerah Brunei dan Muara (DBM) sejak Ogos 2010. Berdasarkan maklum balas positif daripada pengusaha-pengusaha padi DBM serta peningkatan hasil yang ketara bagi pengusaha-pengusaha yang menyertai program ini, jabatan akan meneruskan lagi program peningkatan pengurusan ladang yang mana akan dilaratkan ke daerah-daerah lain.

* Promosi penggunaan mekanisasi dan berteknologi tinggi.

Penanaman padi yang intensif memerlukan penggunaan mekanisasi supaya penanaman boleh dilakukan dengan lebih efisien serta dapat mengelakkan dari penurunan hasil. Dengan adanya bantuan-bantuan seperti pembukaan ladang, peningkatan tapak penanaman dan peningkatan taraf infrastruktur ladang, permintaan untuk perkhidmatan penanaman dan penuaian menggunakan jentera juga semakin meningkat. Oleh yang demikian, jabatan akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan tersebut bagi kawasan-kawasan yang sesuai. Di samping itu juga, jabatan juga akan meningkatkan perbekalan mesin-mesin dan jentera pertanian dengan harga subsidi kepada para pengusaha.

• Program Skim Bantuan Harga Padi (SBHP).

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan masih meneruskan Program SBHP sebagai salah satu insentif kepada para pengusaha untuk menceburkan diri dalam aktiviti penanaman padi. Di bawah skim ini, jabatan akan membeli padi-padi iaitu dari varieti Laila, Pusu, Bario dan Adan yang dihasilkan oleh para pengusaha yang berdaftar dengan kadar harga BND1.60 bagi sekilo padi yang telah dikeringkan dan dibersihkan. Pada tahun 2011, sebanyak BND3.37 juta telah dibelanjakan bagi membeli balik padi yang berkualiti dari para pengusaha di bawah SBHP.

* Membeli mesin pengisar padi yang baru.

Ini adalah untuk menggantikan mesin pengisar padi yang digunakan pada masa ini yang mana adalah sudah berusia 25 tahun dan tidak mampu menampung peningkatan hasil padi. Dengan adanya mesin pengisar padi yang baru ini, pengisaran padi akan dapat dibuat dengan lebih efektif dan efisien untuk menghasilkan beras tempatan yang berkualiti yang mana akan dijual kepada orang ramai.

* Program penyelidikan dan pembangunan padi (R&D).

Untuk memastikan kesinambungan projek penanaman padi ini, kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan padi juga masih diteruskan. Kerja-kerja di bawah program penyelidikan ini termasuklah kajian bagi mengenalpasti varieti-varieti luar yang berhasil tinggi yang sesuai untuk ditanam di negara ini termasuk varieti-varieti *inbred* dan hibrid dan kerja-kerja biak baka padi untuk meningkatkan hasil padi tradisional yang mempunyai potensi hasil yang rendah tetapi kualiti serta rasa yang digemari oleh para penduduk. Ini akan dilaksanakan dengan kmenadakan kolaborasi penyelidikan bersama institusi luar negeri.

Di samping itu tegas beliau lagi jabatan juga akan memperuntukkan sebahagian kawasan kajian di kawasan Projek Penanaman Padi Wasan sebagai Kawasan Pengeluaran Benih Padi Asas (Foundation) dan Sah (Certified) yang mana bertujuan untuk menbekalkan benih-benih berkualiti dan bebas penyakit kepada para pengusaha padi termasuklah pengeluar semaian padi. Benih berkualiti dan bebas penyakit ini adalah penting untuk menjamin hasil yang tinggi dan berkualiti.

Daripada program-program yang digariskan di atas, tambahan peruntukan BND5 juta ke BND20 juta bagi projek penanaman padi sangatlah dialu-alukan bagi meneruskan usaha peningkatan pengeluaran beras domestik ke arah mencapai peratus sara diri yang telah disasarkan.

Biro Penerangan Majlis Perundingan Kampung Kiudang Mungkom Tutong, Awang Muhammad Amir Haji Umarali, mengalu-alukan penambahan peruntukan ini yang mana penanaman padi merupakan aktiviti pertanian yang sudah lama wujud di negara ini bahkan ianya dipraktikkan oleh masyarakat kita sehingga saat ini. Inisiatif pihak kerajaan menerusi penambahan peruntukan untuk projek penanaman padi ini memberikan gambaran kepada rakyat dan penduduk bahawa seriusnya pihak kerajaan mahukan penanaman padi ini menjadi sebuah industri yang perlu diterokai sebagai satu sumber pendapatan yang mampu menjana perekonomian masyarakat dan negara. Ianya juga akan menyemai sikap yang lebih positif dan mampu berdikari bagi rakyat untuk bersaing dengan negara maju khususnya dalam penanaman padi.

Dengan peningkatan ini, beliau selaku rakyat mengharapkan agar ianya dapat digunakan dengan lebih berhemah dan terancang agar seluruh rakyat mendapat manfaat yang sewajarnya.

Selain daripada peningkatan dari segi teknologi penanaman padi yang lebih bersistematik seharusnya dapat perkenalkan dan diserapkan bukan hanya dalam kawasan padi yang terpilih sahaja, bahkan ianya hendaklah juga diperkenalkan pada kawasan padi yang diusahakan oleh masyarakat kampung di Negara Brunei Darussalam. Bantuan-bantuan khusus seperti mesin pemajak, mesin memproses padi dan seumpamanya hendaklah sentiasa disediakan sebagai satu galakan serta sistem pengurusan pembelian padi yang lebih komprehensif hendaklah diperkenalkan dan dinyatakan dengan jelas kepada masyarakat kita khususnya belia-belia agar penanaman padi ini akan sentiasa berkembang dan menjadi sebuah industri yang menjadi pilihan utama kepada generasi penerus.

Biarlah Rahsia

Oleh : Imah Sarah

UPACARA majlis pernikahannya baru saja selesai. Lelaki yang baru dinikahinya siang tadi menghilang entah ke mana. Ia mulai memerhati keluasan bilik tidur yang harus dikongsikan dengan lelaki yang dinikahinya. Bau harum menghiasi kamar bilik tidur itu. Sebuah katil yang berhias cantik begitu indah di matanya. Satu set sofa panjang di tepi sudut jendela dan sebuah kaca televisyen menghias ruang kamar itu. Bukan itu saja, sebelah kamar tidur itu ada sedikit ruang untuk meja komputer dan dihiasi dengan buku-buku yang tersusun rapi di tepi dinding yang siap pasang. Dia melangkah masuk di sudut itu dan memerhatikan sejenak. Di atas mejanya ada sekeping gambar yang berbingkai kecil. Wajah suaminya yang berdamping mesra dengan seorang wanita, yang pasti kekasih yang terpaksa berkorban dalam pernikahan mereka. Dan keheningan malam dipendam bersama rahsia hati yang payah untuk diluahkan dengan kata-kata. Hanya lirikan matanya menceritakan bebanan di dadanya. Gambar suaminya juga ditenung lama. Ada nampak seiras, dari mata, senyuman di bibir dan raut wajahnya.

"Haruskah kita mengorbankan percintaan kita atas sebab yang tak berasas ini?" Seminggu sebelum bernikah, bakal suaminya mahukan pertemuan empat mata, tanpa pengetahuan keluarga. Dia cuma diam membisu.

"Awak tak punya kekasihkah yang sepatutnya awak kongsi selama-lamanya?" Pertanyaannya tidak dijawab. Dia tetap membisu dan tunduk. Tak mampu dia menjawab.

"Awak dengar tak apa yang saya cakap ni?" Nada suaranya keras. Perlahan dia mengangkat wajahnya menatap lelaki yang bakal menjadi suaminya.

"Adakah awak punya pilihan untuk menolak?" Suara halusnya menggetar hati naluri lelaki yang duduk segak di depannya. Memang pertama kali lelaki itu bertemu bakal isterinya, hatinya tiba-tiba terpaut, seperti kejutan elektrik gamatnya.

"Sebab itulah saya nak kita bincangkan perkara ni ..." Suaranya mulai kedengaran geram.

"Takkan awak nak biarkan kekasih awak merana?"

Dia kembali membisu bila mendengar suara yang agak keras. Tak kuasa aku nak layan mamat seorang ni, desis hati kecilnya.

"Saya tak setuju dengan pernikahan ini. Saya punya pilihan sendiri ... " Nada suara Azhar yang begitu kecewa.

"Saya ... cuma … seorang yang terpaksa akur dengan keputusan orang tua ... walau ianya bukan pilihan hati. Cinta saya pada seorang kekasih tetap terpahat di lubuk hati ini ... tak akan pudar, walau ... terpaksa menerima paksaan yang bukan kehendak hati tanpa kerelaan ..." Suara halusnya memukau hati lelakinya sejenak. Dia lebih banyak menundukkan wajahnya dari mempamerkan kesedihan yang berterusan.

Wajah wanita yang duduk di depannya diamatinya seketika. Matanya yang agak sepet, wajah yang bujur, halus, putih melepak, bibirnya yang mungil, hidung yang mancung dan walau tanpa mekap dia tetap nampak anggun. Cepat-cepat dia sedar. Pertemuan pertama yang dia sendiri mengaturnya, tiba-tiba hatinya mulai goyah dengan sikap yang lemah lembutnya. Setelah mendapat tahu nombor telefon Anis, dia tak tunggu lama untuk menghubunginya. Dia teringat kekasihnya.

"Takkan macam tu pun Az tak boleh *orderkan for* Lina? Orang kaya macam Az pun jadi pak kedekut? *Boyfriend* apa Az ni …"

" Bukan tak nak belikan, tapi kalau setakat beg tangan, tak payah nak beli yang harga tinggi melangit tu ..."

" But ... *It's only three hundred you know* ..." Lagaknya mengalahkan seorang datin. *"It's Gucci brand dear, come on lah.."* Rengekan manja kekasihnya kadang-kadang membuat ia lemas.

"Er ... Apa keputusan yang awak nak lakukan?" Suara halusnya mematikan angan-angannya.

"Kenapa harus kita berkorban dengan kehendak orang tua kita?" Pertanyaan Anis disambut dengan pertanyaan juga oleh Azhar.

Suasana dalam restoran agak sunyi. Sengaja dia memilih tempat sebegitu agar tidak ada yang tahu akan pertemuan mereka. Yang hanya kelihatan pelayan-pelayan dan sepasang pemuda-pemudi dan beberapa wanita yang dulu satu meja.

"Anis ... Nama awak bukan?" Azhar cuba mengurangkan kegelisahan yang terbuku di hatinya.

Pasti gadis di depannya juga punya debaran yang sama.

"Ya ..." Wajahnya dilemparkan di luar jendela. Matanya terpaut pada sepasang burung yang hinggap di jendela restoran itu.

"Saya nak kita sama-sama berjumpa dengan keluarga kita dan menyatakan bahawa kita tidak setuju dengan rancangan ini. Kita bantah sama-sama ..."

Anis mengalihkan pandangannya. Matanya bertaut dengan lelaki yang duduk melurus di depannya. Cepat dia mengalah dan kembali mencari pasangan burung yang hinggap di jendela tadi.

Nampak sangat kemesraan mereka.

"Ayah cuma kembali pada hari pernikahan kita. Jika nak batalkan pernikahan ini, saya rasa … agak terlambat ..." Setiap bicaranya penuh dengan kelembutan. Sesuatu yang menarik tentang gadis di depannya. Maslina, kekasih yang dikenalinya sejak di Universiti London, membuat hati lelakinya cair. Namun hatinya belum menyelami erti percintaan kepada kekasihnya itu. Memang ada ada rasa rindu bila tak bertemu, namun ia masih seperti sedang mencari dan menanti sesuatu yang tiba. Apakah?

"Jadi awak setuju nak kawin dengan saya? Eh awak tau tak, perkawinan ini tak akan berjaya. Daripada awak menanggung gelaran janda, lebih baik kita tak payah kahwin. Saya tak punya perasaan langsung dengan awak!" Dia cuba menghindarkan perasaan debar yang mulai terasa.

Anis menelan pahit kata-kata yang dilemparkan. Hatinya bagai dibakar api. Dia cuba menahan getar di dadanya.

"Saya juga sama seperti awak. Apa awak ingat, saya setuju dengan rancangan ini? Hakikatnya saya tak mampu untuk mambantah!" Suaranya tetap halus walaupun dikeraskan.

Ternyata wanita di depan matanya bukan senang nak di bawa berbincang. Hatinya tertanya-tanya, kenapa jika tak bersetuju masih mahu meneruskan pernikahan mereka?

"Kerana mata awak dikaburi dengan wang ringgit keluarga saya?" Tiba-tiba perbincangan mereka mulai tegang.

"Saya tak perlukan wang ringgit awak. Saya cuma," suaranya terhenti.

"Cuma apa? Cakaplah berapa yang awak nak?"

Anis mulai goyah. Belumpun habis Azhar meluahkan ketidakpuasan hatinya, dengan pantas dia berdiri menggapai gelas air yang ada di depannya dan menyiram terus ke wajah lelaki di depannya.

Dan kakinya terus berlari meninggal lelaki itu terpinga-pinga. Sebahagian pengunjung yang baru datang mulai sedar akan ketegangan yang mereka alami. Kemarahannya berapi dengan sikap dan perlakuan bakal isterinya. Sama sekali dia tidak menyangka akan terjadi seumpama itu.

Bayangan itu mulai menghantui fikirnya. Adakah suaminya akan membalas dendam atas kelakuannya tempoh hari?

"Azhar ini keputusan muktamad. Kamu harus menikahi anak pak cik Yusof."

"Tapi kenapa ibu? Dia bukan pilihan hati saya!"

"Pilihan sudah ditentukan Azhar. Ibu yakin dengan Anis!"

"Ibu! *Please*lah … Az rayu ..." Azhar melutut menghadapi ibunya.

"Azhar, ibu dah pesan, ibu tak larang kamu berkawan dengan siapa pun, tetapi untuk menentukan siapa bakal isteri kamu, kami yang yang bakal menentukan ..." Hati sang ibu juga turut gundah dengan permintaan anak yang satu-satunya saja tinggal dalam keturunan mereka. Nak buat macam mana, dah wasiat Norman untuk Azhar. Tanpa pengetahuan Azhar, ibunya terpaksa berlakon malah juga terpaksa membohongi kebenaran yang wujud antara mereka.

"Ahh ..." Azhar melangkah keluar dari ruang tamu dengan kecewa.

Datin Faridah cuma membiarkan saja anak lelakinya yang baru saja kehilangan abangnya, menanggung amarah. Matanya hanya mengiringi langkah anak lelakinya itu. Dan air jernih turut menemani suasana petang itu. Fikirannya melangkah jauh mengingatkan hajat terakhir anak lelakinya yang sulung yang kini sudah tiada. Dan sekarang hanya tinggal Azhar saja yang menjadi kerunsingannya. Mampukah ia meyakini Azhar dengan wasiat anak sulungnya?

"Ibu ... janji dengan Norman, satukan Anis dengan Azhar ..." Raut wajah seorang ibu yang penuh tanda tanya jelas sekali.

"Norman!"

Dalam kepayahan Norman bergelut dengan maut, dia memohon sesuatu.

"Norman tahu ... ini agak mustahil ... tapi, tolonglah Norman ... tunaikan hajat Norman yang terakhir … selepas pemergian Norman, satukan Anis dengan Azhar …"

"Tapi kenapa Norman?" Hati ibunya penuh dengan tanda tanya. Norman begitu menyayangi wanita yang menambat hatinya.

"Norman ... bersalah dan berdosa sebab pisahkan Anis dan Azhar … sepatutnya, Azhar pilihan Anis, tapi … Norman jatuh cinta dengan Anis dan mengatakan Azhar tak punya perasaan langsung terhadap Anis. Norman ... rebut cinta Anis terhadap Azhar dan Norman nak kembalikan cinta suci ini ke tempat yang sepatutnya terbina. Ibu, Azhar sebenarnya tak tahupun yang Anis ada mengutus surat pada Azhar dan selama itu jugalah Norman yang simpan dan menyambut cinta Anis …"

Ibunya masih terpinga-pinga dengan pengakuan anak sulungnya. Dia masih tak faham apa yang ingin disampaikan Norman hingga sanggup membohongi dan merampas sesuatu dari adik kandungnya sendiri demi sebuah perasaan cinta yang membutakan hati dan perasaannya.

"Norman … ibu tak faham …"

"Anis sewaktu ketika dulu, ada membalas surat pada Azhar, tetapi Norman yang menjadi orang tengah dia orang, memutuskan untuk tidak menyatukan Anis dan Azhar, sebab Norman dah jatuh hati pada Anis. Norman cakap kat Azhar yang Anis tak nakkan Azhar. Tetapi di sebaliknya, Norman membalas surat Anis dan dari situ berputiklah cinta Anis pada Norman. Lebih mudah lagi, Azhar pada mulanya memakai nama Norman, ternyata menjadilah bibit cinta ini."

"Anis … tak tahu yang Norman tu sebenarnya Azhar sendiri?" Tanya ibunya setelah mengetahui hal sebenar.

Norman menggelengkan kepalanya. "Tak … tapi ... Norman dah sediakan penjelasan Norman padanya dalam diari *rahsia hati*. Ibu … tolonglah sampaikan hajat Norman dan berikan dairi ini pada Anis nanti ..." Norman menyerahkan sebuah buku kecil yang bertulis *rahsia hati, biarlah rahsia*… Walau berat sekali untuk melaksanakan hajat anaknya, namun Datin Faridah, ibu Norman dan Azhar terpaksa akur dan mengalah.

"Ibu, Azhar tak tahu hal ini, jadi, tolonglah rahsiakan hal ini, dan harap ibu terangkan pada Anis. Norman tau, kata maaf belum cukup untuk membuat Anis percaya, sebab itu, ibu serahkan surat yang Anis tulis pada Azhar, sebagai bukti ..."

Tangisan anak lelaki sulungnya yang betul-betul menyentuh perasaan naluri seorang ibu.

Begitu dia merasakan betapa dalamnya cinta Norman melebihi segalanya hingga ke penghujung hayatnya. Norman akhirnya pergi dalam lenanya buat selama-lama, tanpa seorang pun ahli keluarga mahupun kekasih hatinya di sisi. Jantungnya sering dirasakan sesak membuat Norman sering mengalami kesakitan. Dan doktor mengesahkan paru-paru Norman berlubang, tanpa sempat di selamatkan. Anis memang tidak tahu hal itu. Kemelut yang bakal ditempuhi ibu Norman, bukan saja menjadi bebanan, malah menunaikan hajat yang berupa wasiat juga adalah perkara yang bukan mudah. Kenapa anak-anak mempermainkan sebuah percintaan yang tidak sepatutnya berlaku antara mereka.

"Helo? Boleh … saya cakap dengan Anis Safiqah?"

"Helo, saya Anis Safiqah. Ini?"

Ke muka 9

KETUA Cawangan Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Sharinah binti Haji Abdul Rahman menyampaikan bantuan kepada Dayang Rosmi binti Kasan. - Foto Ihsan : James Kon.

Kerja kemasyarakatan eratkan persaudaraan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bagi menyemarakkan semangat setia kawan, bergotong-royong dan saling bantu-membantu antara satu sama lain, aktiviti kerja-kerja kemasyarakatan diadakan di Kampung Serusop di kediaman Dayang Rosmi binti Kasan pada 16 Februari 2012.

Kerja kemasyarakatan diselajurkan dengan penyampaian sumbangan yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Sharinah binti Haji Abdul Rahman.

Peserta-peserta PBCTA bergotong-royong melakukan kerja KAMAS dengan membersihkan kawasan dalam dan luar rumah beliau dan juga pihak jabatan dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara menyumbangkan barang-barang keperluan harian kepada beliau sekeluarga dan keperluan harian untuk kegunaan anak beliau yang kurang upaya seperti beras, gula, minyak, tepung, lampin pakai buang dan seumpamanya.

Antara tujuannya adalah untuk mengeratkan persaudaraan antara golongan belia dengan masyarakat yang kurang berkemampuan dan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada golongan belia mengenai keadaan kehidupan masyarakat kurang berkemampuan.

Dari muka 8

"Saya Datin Faridah, ibu Norman," lembut tutur bicaranya, mengenalkan diri.

Ingatan Anis Safiqah menerjah ke satu waktu yang masih segar dalam ingatannya. Rasanya jika dapat diputarkan kembali waktu dan masa itu, dia berharap tak akan bertemu dengan orang yang telah mencuri hatinya. Biarlah segalanya tidak pernah terbina dan tidak terbentuk istana hati antara mereka.

"Ibu minta maaf bagi pihak Norman, dan ini adalah tanda bukti kemaafan dari dia ..." Datin Faridah menyerahkan apa yang diamanah untuk diberikan kepada Anis berserta sebuah buku kecil yang mungil, diari Norman yang bertulis *rahsia hati, biarlah rahsia ...*"

Dan yang sangat mengoncangkan seluruh jiwanya, bila ibu Norman sendiri membahasakan dirinya ibu, kepada Anis yang tidak pernah ditemuinya selama ini. Namun sekali pandang saja, sesiapapun akan pasti goyah jiwanya melihat keayuan gadis ini dan sikapnya yang sopan dan peri laku yang memikat.

Tatkala sampul biru beralih tempat, perlahan tangan mungil itu membuka buku kecil dan mulai membacanya hingga ke ahir tulisan. Anis hanya mampu merenung wajah Datin Faridah tanpa suara dan tiada kata-kata yang dapat menggambarkan isi hatinya tika itu. Dia mulai merasakan dunianya gelap dan pandangannya kian kabur dan dia rebah tanpa bicara. Bila saja dia mula membuka matanya, dia bukan lagi berada di sebuah restoran yang menemukannya dengan ibu Norman. Tetapi sebuah tempat yang indah tersergam, tersusun rapi, kemas, bersih dan bau harum. Dan dia terbaring di sebuah bilik yang sangat mewah.

"Saya … di mana?" suaranya lemah dan dia cuba untuk bangun. Tiba-tiba daun pintu bilik terkuak perlahan. Datin Faridah meluru cepat bila melihat Anis cuba bangun.

"Jangan bergerak dulu. Ini rumah ibu, bilik Norman ..."

Sebaik saja Datin Faridah menyebut nama Norman, perasaan Anis kembali sebak. Dalam keadaan yang masih lemah, Anis duduk sambil memejamkan matanya. Hatinya bagai disiat-siat pisau bila mengenangkan kembali apa yang baru saja diketahuinya. Dia menutup wajahnya dengan kedua-dua belah tapak tangannya dan tangis kecilnya kedengaran. Hati Datin Faridah tersentuh bila melihat gadis yang begitu dicintai dan disayangi anaknya Norman.

"Anis ... redalah dengan apa yang kita lalui sekarang. Ibu mengerti perasaan kamu ... Tapi demi Norman, ibu harap janganlah kiranya ada perasaan benci dan dendam di hati kamu. Demi hajat terakhir Norman, ibu harap Anis mempertimbangkan hal ini …" Datin Faridah mengusap lembut rambut dan bahu Anis Syafiqah. Timbul rasa kasihnya terhadap gadis itu. Belas sungguh hatinya melihat kekecewaan anak gadis yang juga kehilangan kekasih hati mereka.

"Anis ... Kiranya kamu sangat-sangat mencintai Norman, izinkan ibu menumpang kasihnya yang bersemadi dalam diri kamu …" Datin Faridah meninggalkan ruang bilik dengan hati yang masih sebak dan sayu.

Bahu kecilnya bergerak laju, tangis kecilnya kedengaran halus. Apakah perasaannya dikhianati atau cintanya hanya untuk mainan perasaan saja ... Kenapa Norman buatkan hatinya terluka?

Bagaimana dia meneruskan hidupnya? Kenapa Norman rahsiakan semua ni? Kenapa? Persoalan demi persoalan berlagu pilu di fikirannya. Jam di dinding berbunyi. Dia tersedar dari memori-memori yang bermain di fikirannya. Apakah tindakan ini akan berakhir dengan keindahan, sama seperti cerita-cerita indah di kaca televisyen? Apakah keputusan yang dibuatnya adalah betul? Apakah perkahwinan ini adalah sebuah ikatan hubungan seseorang yang tercipta untuksebuah istana dari hati yang terluka?

"Abang ... dah lama kita berkawan dah hampir dua tahun pun, tapi abang tak pernah ceritakan pada Anis, berapa orang adik-beradik abang, ibu dan ayah abang kerja ke?"

Soalan itu juga tak pernah dijawab sebab, setiap kali Anis menanyakan hal sebegitu, Norman seperti mengelak dan takut akan sesuatu. Dan bila keinginan dan hajatnya dipenuhi, Norman dah tak ada lagi. Dia bagai hilang akal bila mengetahui semua perkara yang membebankan jiwa dan perasaannya. Norman yang sebenarnya bukanlah lelaki yang yang seharusnya dia temui, mula membibitkan perasaan cinta di jiwanya. Namun lelaki itu sebenarnya hanya wujud dengan sebuah nama pada mulanya, kini sudah bertahta di hatinya. Tetapi, hakikatnya, lelaki itu juga merebut hatinya dari seorang lelaki yang belum pernah ditemuinya, yang bermula dengan kiriman surat yang benar-benar merahsiakan kebenarannya. Dan sekarang, tangisannya untuk apa? Apakah kebohongan Norman menjanjikan sebuah kebahagiaan dengan menikahi Azhar? Atau berputik kembalikah perasaannya setelah ditemukan dengan 'Norman' yang sebenar?

"Anis, maafkan abang, tak terniat di hati untuk mengkhianati erti sebuah percintaan dan abang tak bermaksud nak rampas Anis dari Azhar pada mulanya. Tetapi, hati abang memaksa untuk mencuri hati Anis untuk abang. Justeru kerana abang pasti, Anis dan Azhar pasti tak akan mengetahui hal yang sebenarnya. Anis, satu ketika, Azhar yang juga hanya tahu nama Anis dari mulut abang, berharap untuk berkenalan dengan Anis. Tetapi, kerana takut dikecewakan, Azhar minta izin untuk memakai nama abang dan menghantar surat perkenalan. Silap abang sebab beritahu Azhar, ada seorang gadis yang cantik di kampus abang sukar tuk ditakluki. Pada mulanya, abang juga tak sangka, Anis terima perkenalan Azhar, yang hanya meminjam nama abang. Dan abang hilang akal, dengan hati yang penuh bunga-bunga cinta, abang yang membalas balik, tanpa pengetahuan Azhar, hinggalah kita tamat pengajian. Abang ada katakan pada Azhar, yang Anis tak ada balas warkah Azhar setelah dia menunggu hampir satu minggu. Azhar juga tak pernah mengenali Anis sebab abang tak pernah kenalkan Anis pada dia. Abang hanya ceritakan keayuan Anis, yang lembut, sehingga Azhar teringin nak mengenali Anis. Bagaimana mungkin abang katakan tak boleh, sebab Azhar satu-satunya adik kandung abang yang ada dalam hidup keluarga abang.

Dan memang pun, selama itu Azhar mengatakan jika lebih dari tiga hari tak terima balasan dari Anis, dia mengundur diri. Hakikatnya, Anis membalas suratnya setelah hampir seminggu menunggu. Tetapi abang mengkhianati perasaan Azhar kerana cinta abang mengatasi kasih sayang keluarga abang."

Linangan air matanya jatuh terburai dengan ayat-ayat yang tertulis kemas dalam diari Norman.

Perasaannya berlabuh dengan kocakan warna-warna hati yang berombak dan kesedihan yang sentiasa menenami walau tanpa diundang. Dia melirik jam di dinding yang sudah hampir pukul satu subuh. Suaminya masih belum lagi kelihatan masuk ke bilik. Perasaan yang berbaur pilu itu, dibawanya bertenang.

Petang tadi selesai sembahyang Jumaat, mereka selamat diijabkabulkan. Hanya disaksikan kedua keluarga terdekat. Itulah juga permintaan Anis yang juga disetujui oleh Azhar, untuk tidak menjemput saudara mara, sahabat handai dan rakan sepejabat. Cukuplah dengan hanya ikatan sebuah pernikahan. Walau pada mulanya ditentang keras oleh keluarga Anis, namun, mereka terpaksa mengalah dan menghormati keputusan yang Anis minta.

Bayangkan dia bermenantukan sebuah keluarga yang berpangkat dan berkedudukan, malah mempunyai perniagaan yang berjaya. Tetapi upacara pernikahan mereka tidak sepatutnya begitu ringkas dan sederhana. Dia melangkahkan kakinya yang masih lemah, mengambil bantal bagi alas kepala yang dirasakannya makin berat. Dan dia menarik selimut yang dilipat kemas dalam beg besarnya yang dibawa dari rumahnya. Memang dia belum bersedia untuk berkongsi dalam apa jua hal, walaupun dia tahu, hakikatnya seorang isteri harus menurut kata suami. Tetapi, dapatkah dia hanya menyerahkan sekujur tubuhnya, sedangkan hatinya masih berduka kerana kehilangan cinta?

"Abang ... apakah ini satu hukuman buat Anis?" Bisikannya disambut dengan deraian air hangat yang mencurah ke pipinya. Tidurnya malam itu ditemani dengan air mata yang jatuh ke bantal tidurnya dan membasahi pipinya. Dia menarik selimut menutupi tubuhnya yang masih bersalutkan baju pengantin dan mengambil keputusan untuk tidur di lantai mulai malam itu, tanpa menghiraukan suaminya.

Di sebuah tempat lain, yang sudah tidak ramai pengunjung, Azhar melirik jam tangannya. Hampir pukul satu subuh. Pada hari pernikahannya, Azhar berterus terang dengan Maslina, kekasihnya.

"*What?? ... You ...You...*menikah petang tadi..? *What's the matter with you?... It's ridiculous!"*

Terpacul ucapannya diiringi dengan nada bengis, amarah dan pedas sekali.

"*Please* Lina ... dengar dulu penjelasan *I* ni ..."

"*No ... You're really stupid Azhar ... How can you do this to me?*" Kesedihan yang terpancar di wajahnya, menghancurkan segala impian dan keinginannya untuk bersama Azhar yang dikenalinya setahun yang lalu di kota London. Waktu itu dia dalam tahun akhir dan Azhar hanya menyambung pengajiannya selama setahun saja.

"Lina ... *Please* tenanglah. Dengar dulu. Ini bukan kehendak *I*, tapi ibu *I* yang paksa *I*."

"Ooo ... Jika ibu *you* cakap putuskan hubungan kita, *you* ikut saja... *You* fikir *I* ni anak patung, suka-suka *you* heret *I* kesana kemari, habis manis, sepah dibuang. Mana pendirian *you*? Janji-janji *you* nak pinang *I* tahun ni?.."

"*Please ... slow you're voice.*" Azhar dah habis akal bila melihat Maslina melenting bagai singa lapar.

"*Look ... I* dah bincang dengan Anis…"

"Anis … Isteri *you* yang baru *you* nikah tu?" Teka Maslina meluat. "Lembutnya lidah *you* panggil nama dia!"

"Ya ... Anis Safiqah … *I* dan bincang dengan dia, yang *I* tak akan bersama dengan dia sebab hati *I* tak ada untuk dia." Nama itu bagai satu azimat baginya untuk menyebutnya dengan lembut.

"Cakap lelaki tak pernah betulnya Azhar. Waktu ni *you* memang tak ada hati nakkan dia, lambat laun, hati *you* pun dah berpindah dekat dia ..."

Belumpun habis bicara Azhar, ketidakpuasan hati Maslina begitu menggunung. Runtuh hatinya mendengar penjelasan dari mulut Azhar sendiri. Azhar terkedu dengan ucapan Maslina.

Memang hatinya mulai terasa berlainan tatkala menyentuh Anis, sewaktu pada hari pernikahan mereka.

Dia bagai merasakan kelembutan Anis menyentuh sanubarinya. Namun di pihak yang sama, dia mulai binggung bagaimana hubungannya dengan Maslina. Dia keliru dengan perasaannya sekarang.

"Kita tetap akan kawin …" Cepat Azhar mengatakan untuk memujuk Maslina.

"*What?* ...Gilakah? Eh ... *I* tak nak bermadu dengan perempuan jalang tu Azhar!"

"Lina … Tolonglah ... Kita pun sebenarnya terpaksa…semua ini sudah dirancang terlebih awal lagi ... Mana mungkin *I* nak lukakan hati ibu yang baru kehilangan abang Norman ..."

"Dia bukan perempuan jalang Lina ... Dia pun terpaksa." Hatinya tiba-tiba membela isteri yang baru dinikahinya. Ada sesuatu yang membuatkannya terasa bila kekasihnya sendiri membenci dan menuduhnya seperti itu.

"*No and never ... I* tak nak bermadu, and *I* nak *you* ceraikan juga perempuan gatal tu!"

Dengusnya sambil berlalu meninggalkan Norman yang bagai nak pecah kepala menyelesaikan hal itu dengan Maslina.

Azhar terpaksa juga balik ke rumah. Dia tak pasti jika isterinya ada menunggu atau sudah menghilangkan diri sepertinya. Perlahan-lahan tombol pintu di buka untuk memastikan, Anis tak terkejut dengan kedatangannya. Tatkala pintu terkuak perlahan, mata Azhar memerhatikan sekeliling ruang biliknya. Liar matanya mencari, tetapi tak ditemui. Nafasnya dihela, sangat berat.

Pintu ditutup rapat. Sebaik saja ia melangkah menuju ke birai katilnya, matanya terpaut pada sekujur tubuh yang terbaring di lantai, di sisi katilnya. Pada asalnya, dia yang mulanya berhasrat untuk tidur di lantai, terus dibatalkannya. Hatinya tiba-tiba sayu melihat wanita yang baru dinikahi petang tadi. Perlahan dia duduk di lantai tak jauh dari tempat Anis, isterinya berbaring.

Dia mengamati wajah wanita itu untuk sekian kalinya. Dari raut wajah yang putih melepak, kening yang halus, bibinya yang merah delima, hidung yang bagai anak kacukan, pipi yang putih tanpa kesan jerawat, dagunya yang runcing, bulu matanya agak panjang, semua diperhatikannya.

Jauh di lubuk hatinya mengakui, Anis Safiqh jauh lebih baik jika dibandingkan dengan Maslina.

Biarpun ada getar di jiwanya apabila merenung wajah Anis, tetapi dia masih belum pasti apakah maksud yang tersirat di jiwanya.

Jauh di fikirannya tetap tertanya-tanya kenapa Anis Safiqah sanggup menerimanya menjadi suaminya, walaupun dia sendiri seperti mengalami sesuatu beban yang maha berat yang tidak Azhar ketahui. Kenapa ibunya beria sangat nak menantukan Anis Syafiqah, sedangkan selama ini ibunya tak pernah pun menceritakan hal pertunangan mereka. Seribu persoalan menghantui dalam benaknya.

Apakah Anis tidak mempunyai kekasih hati? Atau dia selepas bernikah pun akan menemui kekasihnya nanti? Perlahan-lahan dia mengangkat tubuhnya sendiri dan menuju ke sofa panjang di biliknya. Dia melabuhkan tubuhnya dan terus memejamkan matanya. Seperti Anis, keletihannya membuatkan dia terus terlena, bersama soalan-soalan yang tersusun rapi di fikirannya. Apakah hari-hari esok bakal menjadi saksi pernikahan mereka atau, ianya hanya sebagai ikatan palsu bagi mereka berdua, atau, akan adakah rahsia-rahsia di hati mereka yang bakal menentukan segalanya. Atau apakah mereka hanya berdepan dengan jurang pemisah sedangkan di hati ada bicara rahsia yang mungkin mendekat pada suatu masa.

RADIO TELEVISYEN BRUNEI
RANCANGAN MINGGUAN TV

RTB 1

ISNIN 12 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 FACTORY MADE
10.30 FOOD SAFARI
11.00 INSAN SENI
11.30 THE RE-INVENTORS *'The Da Vinci Chariot'*
12.00 MYSTERY FILES
12.30 THE DETONATORS
12.32 AZAN ZUHUR
13.30 FOOLED BY NATURE *'Crafty Crooks'*
14.00 DIALOG
14.30 DESTROYED IN SECOND
15.00 GARDENING AUSTRALIA
15.30 GLOBAL ENERGY
15.43 AZAN ASAR
16.00 THE MARTHA STEWART SHOW
17.00 HOW DO THEY DO IT?
17.30 IN SHORT
17.45 BERITA 5:45
18.00 GREEN MATTERS
18.33 AZAN MAGHRIB
18.45 BIMBINGAN KELUARGA
19.00 SPIRIT OF LONDON
19.30 THE NEW INVENTORS
19.42 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 KULIAH BERSAMA MUFTI 2012 *'Masjid Al-Meerah Al-Hajah Maryam, Kg. Jerudong'*
22.00 NEWS AT 10
22.50 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE-8, 2012

SELASA 13 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 ULTIMATE WILDLIFE
10.30 CHEF WORTHY
11.00 THE NEW INVENTORS
11.30 HOW DO THEY DO IT?
12.00 UNHINGED
12.31 AZAN ZUHUR
12.35 KULIAH BERSAMA MUFTI *'Masjid Kg.Al-Meerah Al-Hajah Maryam'*
13.30 FOKUS SUKAN
14.00 LOFTY IDEAS
14.30 FACTORY MADE
15.00 GARDENING AUSTRALIA
15.30 STOP OVER
15.43 AZAN ASAR
16.00 THE MARTHA STEWART SHOW
17.00 EUROMAXX ON VACATION
17.30 IN SHORT
17.45 BERITA 5:45
18.00 JAMIE'S 30 MINUTES MEALS *'Stuffed Foccacia'*
18.33 AZAN MAGHRIB
18.45 PENGAJARAN AL QURAN
19.00 ONCE IN A LIFETIME
19.30 AKTA
19.42 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
20.50 SUKAN
21.30 DOKUMENTARI TEMPATAN 2012
22.00 NEWS AT 10
22.50 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE-8, 2012

RABU 14 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 GLASS WITH VICKY
10.30 TOP CHEF MASTER
11.30 EUROMAXX ARCHITECTURE
12.30 DOKUMENTARI TEMPATAN 2012
12.31 AZAN ZUHUR
12.30 UBAYA-UBAYA *'Pembuangan Anak Damit'*
13.30 ONCE IN A LIFETIME
14.00 SUKAN
14.30 HOW IT WORKS
15.00 GET GROWING
15.30 INDUSTRIAL JUNKLE
15.42 AZAN ASAR
16.00 OPRAH WINFREY
17.00 THE LAST PARADISES
17.30 IN SHORT
17.45 BERITA 5:45
18.00 WHERE WERE YOU?
18.32 AZAN MAGHRIB
18.45 AL-HADIS
19.00 SPIRIT OF LONDON
19.30 ULASAN KHUTBAH JUMAAT
19.41 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 LIPUTAN SEMASA
21.30 HELICOPTER RESCUE *'Barrington Pt:2'*
22.00 NEWS AT 10
22.50 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE-8, 2012

KHAMIS 15 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 FULL REPORT
10.30 5 RENCAH 5 RASA
11.00 ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.30 THE LAST PARADISE
12.00 HELICOPTER RESCUE *'Barrington Pt:2'*
12.31 AZAN ZUHUR
12.30 BERSAMA MUFTI SEMPENA MAULUD NABI *'UBD'*
13.30 FOKUS SUKAN
14.00 VISI SUCI 2007
14.30 WHERE WERE YOU?
15.00 LIPUTAN SEMASA
15.30 THE PLANE FACTS
15.41 AZAN ASAR
16.00 OPRAH WINFREY
17.00 STRANDED WITH CASH PETERS
17.30 IN SHORT
17.45 BERITA 5:45
18.00 SOS EARTH CALLING
18.32 AZAN MAGHRIB
18.45 PEDOMAN AKIDAH 2011
19.00 JEJAK RASUL
19.30 AL HIDAYAH
19.41 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 AN NUUR 1433/2012
22.00 NEWS AT 10
22.50 CERAMAH MOTIVASI MAJLIS ILMU

JUMAAT 16 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 GLOBAL IDEAS
10.30 THE DOCTORS *'Ask Our Doctors'*
11.30 BERITA 11:30
11.45 AL HIDAYAH
12.20 TILAWATIL AL QURAN BERSAMA JUARA
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
13.30 JEJAK RASUL
14.00 CLASSIC CARS
14.30 BICARA SUKAN
15.00 SPIRIT OF LONDON
15.40 AZAN ASAR
16.00 DR. OZ SHOW
17.00 FLYING THROUGH TIME
17.30 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA
17.45 BERITA 5:45
18.00 SEA POWER
18.32 AZAN MAGHRIB
18.45 PENGAJARAN DARI AL QURAN
19.00 DOKUMENTARI TEMPATAN
19.30 KONVENSYEN KUMPULAN KERJA CERMERLANG 2011
19.41 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 DUNIA ASIA
21.30 ANGGUN
22.00 NEWS AT 10
22.50 SECRET OF THE DEEP *'Sunken Cities'*

SABTU 17 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 BLANK CANVAS
10.30 NATE BERKUS SHOW
11.30 BERITA 11:30
12.00 ANGGUN
12.30 AZAN ZUHUR
12.35 HOMESICK
13.30 DOKUMENTARI TEMPATAN
14.00 KONVENSYEN KUMPULAN KERJA CERMERLANG
14.30 ZOO JUNIORS
15.00 THE PRICE IS RIGHT
15.39 AZAN ASAR
16.00 THE DR. OZ SHOW
17.00 FROM TIERRA DEL FUEGO TO TIJUA
17.30 IN SHORT
17.45 BERITA 5:45
18.00 NATURE TREASURE
18.32 AZAN MAGHRIB
18.45 PEDOMAN AKIDAH 2007
19.00 FOKUS SUKAN
19.30 DI MANA TU AH? *'Alif dan Ikas'*
19.41 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 LIPUTAN SEMASA
21.30 OVER DESIGNED
22.00 NEWS AT 10
22.50 EXTREME FORENSICS

AHAD 18 Mac

07.00 BERITA AWAL PAGI
07.20 RAMPAI PAGI - Live
10.02 DESTROYED IN SECOND
10.30 NATE BERKUS SHOW
11.30 BERITA 11:30
12.00 LIPUTAN SEMASA
12.30 ARE YOUR SMARTER THAN A 5TH GRADER
12.30 AZAN ZUHUR
13.30 TEKA RIA
14.00 OVER DESIGNED
14.30 THE FOOTBALL REVIEW
15.00 THE PRICE IS RIGHT
15.39 AZAN ASAR
16.00 THE DR. OZ SHOW
17.00 THE RE-INVENTORS *'The Roman Crane'*
17.30 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA
17.45 BERITA 5:45
18.00 CULTURAL FLAVOURS
18.32 AZAN MAGHRIB
18.45 SINAR
19.00 FOOLED BY NATURE *'Family Ties'*
19.30 INSAN SENI
19.41 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 DIALOG
21.30 MYSTERY FILES
22.00 NEWS AT 10
22.50 THE DETONATORS

RTB 2

ISNIN 12 Mac

10.05 ANIMASI: *GET SQUIGGLING!*
10.15 *ANIMASI : ZHENG HE'S VOYAGES TO THE WEST*
10.45 DRAMA KOREA: *GOLDEN FISH*
12.00 DRAMA MELAYU : *SUTERA MAYA*
12.32 AZAN ZUHUR
